

aab

Mahathir - Pelabur

MALAYSIA ANGGAP PELABUR ASING SEBAGAI RAKAN PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Malaysia menganggap pelabur asing sebagai rakan pembangunan kerana sumbangan mereka kepada proses membasmi kemiskinan dan membangunkan negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sungguhpun pelabur melabur kerana ingin membuat keuntungan, hakikatnya ialah melalui pelaburan, mereka menyumbang kepada pembangunan negara," katanya ketika menutup sambutan perayaan 100 tahun Esso di Malaysia, di sini, hari ini.

Katanya, apabila pelabur berjaya dan mendapat keuntungan, kerajaan juga mendapat faedah melalui hasil cukai.

Di samping itu, katanya, pada hari ini banyak syarikat asing yang turut menyumbang kepada masyarakat setempat melalui program-program kemasyarakatan.

Ini juga sebahagian daripada tanggungjawab korporat mereka, katanya. -- lagi.

▼23/08/12-04MST

U GB 23-08 00127 BA534

aab

Mahathir - Pelabur 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, dengan adanya pelaburan, peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat di negara ini juga telah dapat diwujudkan dan ini menolong mengatasi masalah pengangguran.

Sambil mengharapakan falsafah "rakan dalam pembangunan" itu akan diterima baik oleh syarikat-syarikat asing terutamanya syarikat pelbagai negara di negara ini, beliau berkata, kerajaan akan terus menyediakan kemudahan bagi menampung keperluan pelaburan di samping mengekalkan kestabilan politik.

Ini kerana bagi Malaysia, pelaburan merupakan nadi pembangunan dan kemajuan negara, katanya.

"Di zaman teknologi tinggi dan canggih ini, mana-mana negara yang enggan atau lewat memperolehnya akan tertinggal dan tidak dapat dibangunkan," katanya.

Justeru itu, katanya, Malaysia harus memasuki industri-industri yang berteknologi tinggi dan canggih itu. -- lagi.

▼23/08/12-17MST

U GB 23-08 00155 BA536

aab

Mahathir - Pelabur 3 Kuala Lumpur

Dalam hal ini, katanya, Malaysia berharap negara-negara maju yang melabur di negara ini akan berusaha memindahkan teknologi tinggi mereka.

"Dalam dunia yang saling bergantung antara satu sama lain, membantu mempercepatkan kemajuan sesebuah negara akan membawa manfaat kepada semua yang terlibat," katanya.

Ini kerana apabila sesebuah negara itu menjadi maju, negara pelabur boleh menjual lebih banyak barangan kepada negara berkenaan, katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menerima cek bernilai RM1 juta daripada Pengerusi Syarikat-syarikat Esso di Malaysia, Encik Morris E. Foster, untuk projek "Pusat Sumber Hypermedia Teknologi Tinggi" yang pertama di negara ini tajaan Esso di ruang kanak-kanak Perpustakaan Negara di sini.

Sambil menyambut baik sumbangan Esso itu, Perdana Menteri berkata, ia adalah selaras dengan matlamat kerajaan supaya terdapat kerjasama erat antara pihak swasta dan kerajaan seperti yang terjalin dalam konsep Persyarikatan Malaysia. -- lagi.

▼23/08/12-30MST

CNS7047

R GB 23-08 00160 BA539

aab

Mahathir - Pelabur 4 Kuala Lumpur

Katanya, sumbangan Esso itu membawa erti yang besar kepada generasi muda di negara ini kerana pendidikan dan pengetahuan adalah perkara yang ditekankan kerajaan.

"Negara memerlukan penduduk yang berupaya mengendalikan teknologi tinggi, berpengetahuan luas, berdisiplin, beramanah dan berhemah tinggi untuk menghadapi cabaran masa depan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dalam mengejar pengetahuan dan teknologi tinggi, nilai-nilai murni tidak boleh dikebelakangkan kerana kemajuan yang diidamkan menerusi wawajagan 2020 adalah pembangunan yang seimbang antara materialisme dan kerohanian.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir menyarankan supaya perpustakaan-perpustakaan di negara ini turut menyediakan lebih banyak bahan pendidikan moral dalam pelbagai corak, di samping pusat pembelajaran berteknologi tinggi, supaya kanak-kanak dapat didedahkan kepadanya dan menjadi rakyat dewasa yang bermoral tinggi.

Pada masa yang sama, beliau berharap "Pusat Sumber Hypermedia "Teknologi Tinggi" itu dapat diperluaskan kepada perpustakaan-perpustakaan lain bagi mendedahkan kanak-kanak di luar Kuala Lumpur kepada kaedah baru itu. --
lagi.

▼23/08/13-02MSM

R GB 23-08 00090 BA540

aab

Mahathir - Pelabur 5 (Akhir) Kuala Lumpur

"Pusat Sumber Hypermedia "Teknologi Tinggi" itu membolehkan kanak-kanak membuat rujukan mengenai sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai media maklumat yang membolehkan mereka mengenali dunia komputer melalui pendekatan membuat sambil mempelajari dan berinteraksi dengan teknologi terkini.

Sebagai contoh, kanak-kanak yang berminat mengenai kapal terbang bukan sahaja boleh memperolehi maklumat berhubung jenis dan rupa sesebuah kapal terbang tetapi juga cara ia terbang, bunyinya dan mereka bentuk kapal terbang mengikut kehendak sendiri. -- Bernama.